

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN CHA KEE CHIN (RASAH)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai semua kekosongan jawatan yang masih berlaku di IPK Negeri Sembilan, IPD Seremban dan IPD Nilai, dan bilakah jawatan-jawatan ini akan diisi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik perjawatan, kekuatan dan kekosongan IPK Negeri Sembilan, IPD Seremban dan IPD Nilai seperti berikut:

1. Statistik perjawatan, kekuatan dan kekosongan **Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan**

| BIL | KATEGORI | PERJ | KEK | KOS |
|---------------------------|---|-------------|------------|------------|
| 1 | PEGAWAI KANAN | 160 | 158 | 2 |
| 2 | PEGAWAI RENDAH POLIS & KONSTABEL | 554 | 495 | 59 |
| 3 | PEGAWAI RENDAH POLIS & KONSTABEL SOKONGAN | 71 | 62 | 9 |
| 4 | PEGAWAI AWAM | 188 | 166 | 22 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 973 | 881 | 92 |

2. Statistik perjawatan, kekuatan dan kekosongan **Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban**

| BIL | KATEGORI | PERJ | KEK | KOS |
|---------------------------|---|--------------|--------------|-----------|
| 1 | PEGAWAI KANAN | 81 | 76 | 5 |
| 2 | PEGAWAI RENDAH POLIS & KONSTABEL | 976 | 926 | 50 |
| 3 | PEGAWAI RENDAH POLIS & KONSTABEL SOKONGAN | 115 | 86 | 29 |
| 4 | PEGAWAI AWAM | 98 | 93 | 5 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 1,270 | 1,181 | 89 |

3. Statistik perjawatan, kekuatan dan kekosongan **Ibu Pejabat Polis Daerah Nilai**

| BIL | KATEGORI | PERJ | KEK | KOS |
|---------------------------|---|------------|------------|-----------|
| 1 | PEGAWAI KANAN | 48 | 46 | 2 |
| 2 | PEGAWAI RENDAH POLIS & KONSTABEL | 378 | 332 | 46 |
| 3 | PEGAWAI RENDAH POLIS & KONSTABEL SOKONGAN | 22 | 22 | 0 |
| 4 | PEGAWAI AWAM | 22 | 19 | 3 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 470 | 419 | 51 |

PDRM telah membuat perancangan dalam membuat pengisian perjawatan kosong bagi kekosongan seluruh PDRM. Kaedah pengisian kekosongan yang dibuat adalah seperti berikut:

1. Pengisian melalui pengambilan baharu
 - i. Pelatih Kadet Inspektor seramai (350) orang: Tamat latihan pada November 2019 berjumlah (160 pelatih) dan Mac 2020 (190 pelatih); dan
 - ii. Pelatih Konstabel seramai (3,050) orang: Tamat latihan pada Oktober 2019 sehingga Februari 2020.

2. Pengisian melalui kenaikan pangkat

- i. Pegawai Kanan : Eksesais kenaikan pangkat ASP ke DSP dan eksesais kenaikan pangkat Insp ke ASP; dan
- ii. PRP & Kons: Eksesais temuduga kenaikan pangkat Pegawai Rendah Polis (PRP) Tugas Awam bagi Skim Perkhidmatan PRP & Kons sedang dalam proses temuduga.

3. Pengisian melalui mobiliti berdasarkan permohonan pertukaran penggiliran tugas atau mobiliti tugas dalam tempoh masa yang tertentu (tidak melebihi 5 tahun).